| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Enough card serial number (Nombor siri kad memadai) | | |
| Date | 09. Oct 2007 | Language | MALAY |
| Media Title | Harian Metro | Page No | 18 |
| Section | Setempat | Article Size | 241 cm2 |
| Circulation | 172903 | Frequency | Daily |
| Readership | 605160 | Color | Full Color |





## Susulan pembunuhan Nurin Jazlin

# Nombor siri kad memadai

- Pakar Mimos bantu Unit Forensik kesan petunjuk penting
- Proses dijangka ambil masa seminggu

KUALA LUMPUR: Polis bakal memperoleh petunjuk penting berhubung kes pembunuhan kanak-kanak malang, Nurin Jazlin Jazimin, 8, tidak lama lagi berikutan kad SIM telefon bimbit yang berjaya dikeluarkan melalui dubur wanita Indonesia berusia 23 tahun di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) Rabu lalu, kini menjalani ujian forensik siber di Cyberjaya.

Sumber polis berkata, proses terbabit dilakukan sekumpulan pakar Mimos Bhd, bertujuan mendapatkan maklumat terkandung dalam kad berkenaan, termasuk senarai nombor panggilan dan SMS yang dibuat atau diterima pemiliknya.

"Proses ini dijangka mengambil masa selama seminggu dan hasil analisis akan diserahkan kepada polis bagi membantu siasatan kes Nurin Jazlin," katanya.

Wanita Indonesia itu yang kini direman bagi membantu siasatan kes Nurin Jazlin, bertindak menelan kad yang dipercayai mengandungi maklumat mengenai kes itu ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Petaling Jaya, pada 28 September lalu.

Sebelum ini kad SIM telefon bimbit yang ditelan wanita Indonesia terbabit dilaporkan sudah dihantar ke Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Cheras, untuk dianalisis sebaik ia berjaya dikeluarkan.

Sumber memberitahu Unit Forensik kemudian membuat analisis sama ada kad itu masih boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dipercayai dapat membantu siasatan mengenai kehilangan dan pembunuhan murid tahun dua itu yang mayatnya ditemui pada 17 September lalu.

Walaupun kad SIM terbabit dibimbangi rosak akibat terendam terlalu lama dalam perut suspek, kemungkinan untuk polis mengambil maklumat yang tidak rosak termasuk nombor telefon atau SMS yang dihantar suspek masih ada.

Ini berikutan nombor siri di belakang kad SIM itu mencukupi untuk mengenal pasti nombor telefon bimbit yang digunakan suspek.

Polis sebelum ini terpaksa menunggu selama enam hari sebelum doktor di PPUM berjaya mengeluarkan kad SIM yang ditelan suspek wanita itu pada Jumaat lalu.

Wanita itu kemudian dibawa ke Mahkamah Majistret Petaling Jaya untuk menyambung reman selama enam hari bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Sementara itu, spesimen rambut yang ditemui pada mayat mangsa masih diuji Jabatan Kimia bagi menentukan sama ada ia milik kanak-kanak itu atau pembunuhnya.

"Kami terpaksa berhati-hati melakukan ujian ini bagi mengelak kesilapan," katanya.

Pada masa sama polis mungkin mendapat petunjuk baru berhubung kes pembunuhan terbabit apabila memperoleh imej rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang ditingkatkan mutunya di makmal Biro Siasatan Persekutuan (FBI), Amerika Syarikat, minggu ini.